

**UCAPAN BAJET TAHUN 2007  
OLEH YAB DATUK MUSA HJ. AMAN  
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH  
DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PADA 24 NOVEMBER 2006**

**“KESTABILAN DAN KEMAJUAN”**

Tuan Speaker,

1. Saya mohon membentangkan Bajet Negeri bagi tahun 2007 untuk kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

2. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya jua kita sekali lagi berkesempatan untuk menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan demi untuk terus berbakti dan berusaha ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kemajuan rakyat Malaysia di negeri ini khususnya.

Tuan Speaker,

3. Tahun 2006, iaitu tahun bermulanya pelaksanaan RMKe-9 telahpun mengorak pendekatan serta langkah-langkah untuk merealisasikan matlamat RMKe-9 menerusi Lima Teras Utama yang digariskan dalam Misi

Nasional. Dalam usaha kita untuk menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri maju di Malaysia menjelang tahun 2015, iaitu sembilan tahun dari sekarang, sudah tentu kita akan berhadapan dan menempuh cabaran-cabaran yang kita tidak dapat elakkan melainkan mengatasinya semua. Janganlah sekali-kali kita melihat cabaran-cabaran ini sebagai penghalang malah menganggapnya sebagai peluang-peluang untuk memperbaiki langkah-langkah serta dasar-dasar kerajaan, meningkatkan prestasi serta keupayaan sistem pengurusan sektor awam dan seterusnya, mengemaskini strategi-strategi pembangunan ekonomi dan sosial. Dengan adanya kestabilan politik dan kerjasama yang erat di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri dan Pusat dan keseriusan kepimpinan YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, dalam memacu Agenda Pembangunan Negara, diiringi dengan keikhlasan dan integriti, maka sewajarnya semua ini akan berupaya memotivasikan kita untuk berusaha dan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Kita tidak seharusnya menganggap kesejahteraan dan kestabilan politik yang kita nikmati selama ini datang atau berlaku dengan sendirinya sahaja; **“sedangkan yang bulat itu tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang”**.

Tuan Speaker,

4. Alhamdulillah, tren terhadap pertumbuhan kadar ekonomi negeri telah menunjukkan kenaikan dalam purata 5.1 peratus bagi tempoh RMKe-8 kepada dalam lingkungan 6 hingga 7 peratus dalam RMKe-9. Walaupun kita masih mengalami kadar pengangguran iaitu dalam lingkungan 6.0 peratus, saya yakin ini dapat diatasi dengan adanya pelbagai rancangan pembangunan dalam jangka dekat dan panjang. Dengan kerjasama serta

sokongan padu yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mahupun segenap lapisan pemimpin politik dalam komponen Barisan Nasional dan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan sektor swasta serta rakyat jelata, ini akan menjadi sumber kekuatan kita untuk terus memacu proses menambah dan meningkatkan pembangunan di negeri ini sebagai senjata memerangi segala kelemahan. Pengenalan Dasar Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri, yang memasuki tahun ke empat, memberi fokus kepada Sektor Pertanian, Sektor Pelancongan an Sektor Perindustrian, kini berada di landasan yang semakin mengukuh untuk meniti kemajuan yang berterusan. Program pembangunan seperti Industri Kluster Minyak Sawit (POIC) di Lahad Datu dan Sandakan menerusi penyediaan infrastruktur yang moden diikuti dengan pertambahan minyak sawit mentah akan membawa industri berasaskan sawit ke tahap yang lebih tinggi. Begitu juga industri petro-gas di Kimanis, akan memberi suntikan ke arah lonjakan perkembangan ekonomi negeri bagi tempoh rancangan ini. Pelabuhan Sepanggar yang menelan belanja RM400.00 juta, dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan moden yang mempunyai kapasiti melebihi Tiga Ratus Ribu TEUs ( *Twentyfoot Equivalent Units* ), akan memulakan operasinya pada April tahun hadapan. Sektor pelancongan pula akan menerima *anjakan* apabila pembesaran ‘Kota Kinabalu International Airport’ siap kelak. Sabah akan terus dipromosikan sebagai destinasi pelancongan berasaskan pengembaraan dan alam semula jadi yang ulung. Strategi pemasaran akan dimantapkan termasuk strategi yang boleh menjana pelancong yang berbelanja besar dan tinggal lebih lama. Kedatangan pelancong-pelancong ke Sabah dari dalam dan luar negara, dengan sasaran 2.7 juta menjelang tahun 2007 dijangka berupaya akan menjana perbelanjaan melebihi RM3.00 billion. Dengan komitmen kerajaan ke atas penyediaan asas-asas ekonomi

negeri yang berjalan secara berterusan, Sabah akan terus mengalami proses perkembangan sejajar dengan rancangan untuk mempelbagaikan ekonomi negeri di samping memastikan iklim di Sabah bertambah kondusif untuk pelaburan.

Tuan Speaker,

5. Saya sedar bahawa pembangunan yang sekarang ini sedang pesat berlaku dari segi fizikalnya perlu diimbangi dengan pembangunan modal insan, yang mana telah diberi penekanan yang serius dalam RMKe-9, oleh YAB Perdana Menteri. Pendekatan atau metodologi yang diambil ke arah ini bukan sahaja akan dapat melahirkan rakyat yang memiliki minda kelas pertama, berdisiplin, berpengetahuan dan berfikiran waras terutamanya di kalangan para belia tetapi mampu meningkatkan tahap daya saing mereka. Saya yakin pendekatan ini akan membantu mempercepatkan proses penyertaan dalam program-program pengagihan kekayaan negeri ini dengan lebih bermakna sama ada dari segi ekuiti mahupun *equality*. Justeru, selain dari beberapa institusi pengajian tinggi dan latihan teknikal sebagai prasarana untuk pembangunan modal insan ini yang telah terdapat di kawasan sekitar Kota Kinabalu, rancangan ke arah ini juga akan disebarakan ke sebuah kawasan lagi iaitu, Sandakan telah dikenalpasti sebagai '*Education Hub*' yang mana akan bermula pada tahun hadapan.

Tuan Speaker,

6. Untuk terus mengukuhkan pengurusan dan pentadbiran awam, instrumen pengurusan menerusi *redressal*, rasionalisasi dan penyelarasan

akan diperkemaskinikan untuk memastikan sistem penyampaian yang lebih berkesan di samping dapat mendokong perbelanjaan yang berhemat, mengoptimalkan penggunaan logistik dan tenaga kerja awam agar lebih berkualiti, dan lebih berorientasikan pencapaian (*results-oriented*). Ini termasuklah tanggungjawab penyelarasan dalam bidang-bidang latihan dan program pembangunan sosio-ekonomi yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi kerajaan dengan tumpuan diberikan kepada masyarakat dari dan di luar bandar. Sebagai mengukuhkan lagi landasan ekonomi negeri, Kerajaan akan terus mencari jalan untuk menambah keupayaan membiayai perbelanjaan perbekalan dan pembangunan yang kian meningkat pada setiap tahun. Selain daripada hasil-hasil utama, hasil daripada bumi (*land resources*) akan diberi penekanan semula. Oleh itu, kajian keatas *Land Utilisation Policy* telah dilancarkan yang bertujuan untuk memastikan penggunaan tanah yang terancang dan memastikan pengurusan tanah yang begitu kritikal kepada pembangunan supaya lebih tersusun dan menjamin kemapanan kemajuan negeri ini. Kajian ini juga akan mengukuhkan lagi dasar ke atas perlindungan alam sekitar terutamanya kawasan yang telah diisytiharkan sebagai *protected areas* yang sekaligus melindungi industri pelancongan yang bergantung kepada tema 'eco-tourism'.

Tuan Speaker,

7. Kita seharusnya berbangga dengan pencapaian terhadap pengurusan khazanah hutan di negeri ini secara mapan. Sabah telah mendahului dalam program Sustainable Forest Management (SFM) di Malaysia. Kejayaan SFM Deramakot, diiktiraf di antarabangsa di bawah

Forest Stewardship Council Standard. Kejayaan ini akan menjadi model kepada pengurusan kewangan hutan simpanan lain seperti di Ulu Segama-Malua dan Ulu Kalumpang seluas 300,000 hektar dan 80,000 hektar lagi di Tangkulap-Pinangah-Mangkuwagu dan seterusnya di beberapa kawasan di bawah konsesi Yayasan Sabah. Usaha untuk pemulihan (*rehabilitate*) hutan simpanan akan ditingkatkan lagi melalui *restoration* dan program penanaman semula hutan dengan kerjasama pihak Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9. Justeru, pengeluaran kayu berasaskan penanaman semula hutan akan kembali menyerlah sebagai sumber perhutanan yang signifikan kepada ekonomi Sabah dalam jangka panjang.

Tuan Speaker,

### **Barangan Buatan Sabah**

8. Sebagai susulan kepada Bajet 2006, pengalakkan pembelian dan penggunaan barangan buatan Sabah, di samping penggunaan perkhidmatan badan-badan professional dalam negeri, akan dapat menyumbang kepada perkembangan aktiviti ekonomi melalui “*endogenous growth*”. Ianya mampu menjana bukan sahaja peluang-peluang untuk peniaga serta pengeluar tetapi dapat membantu menjana lebih banyak pekerjaan. Untuk memastikan dasar ini memperolehi impak yang menyeluruh, kerjasama dan penyertaan pihak Kerajaan, sektor swasta termasuk para pengguna tempatan adalah penting. Dengan sokongan Dewan-dewan Perniagaan dan juga badan-badan seperti Federation of Sabah Manufacturers (FSM), Persatuan Akitek Malaysia, Institution of Engineers Malaysia (Sabah Branch) dan

Association of Consulting Engineers Malaysia, pewujudan **Direktori Produk-produk Sabah dan Logo** akan dapat dihasilkan dalam tahun ini.

Tuan Speaker,

### **Penyertaan Usahawan Bumiputera**

9. Kerajaan akan terus memberi perhatian serius dalam pembangunan serta penyertaan usahawan Bumiputera. Kerajaan telah menjalankan kajian terhadap penyertaan masyarakat Bumiputera dalam bidang perniagaan dan ekonomi negeri di mana satu Pelan Tindakan bagi tempoh sepuluh (10) tahun akan dibentuk menjadi panduan dalam membangunkan usahawan Bumiputera Sabah dalam berbagai sektor ekonomi. Pelan ini mensasarkan lebih kurang 14,000 usahawan Bumiputera yang berdaya maju, dalam berbagai sektor dan industri dari kalangan penduduk Bumiputera negeri Sabah. Langkah ini adalah merupakan sokongan kerajaan negeri yang berterusan sejajar dengan matlamat dasar Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

Tuan Speaker,

### **Pembangunan ICT**

10. Pembangunan ICT akan terus dirancarkan dan dipelbagaikan menerusi program dan aktiviti ICT, yang bukan sahaja berupaya menyebar luas maklumat-maklumat yang berfaedah tetapi akan dapat memberi kesan positif kepada sistem penyampaian secara langsung dan tidak langsung. Sejumlah RM34.22 juta disediakan pada keseluruhannya bagi program ini.

Usaha untuk mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat terutama di kalangan penduduk yang berpendapatan rendah di luar bandar akan diteruskan melalui program e-Komuniti. Pewujudan sekurang-kurangnya dua puluh (20) pusat e-Desa akan dilaksanakan untuk mengatasi kawasan yang masih kurang diberi perhatian oleh syarikat telekomunikasi swasta dan ini akan membantu memperkasakan masyarakat luar bandar bagi meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Program latihan celik IT dan peningkatan kemahiran ICT di kalangan golongan sasaran yang telah diperkenalkan sejak tahun 2005, di harap akan mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus. Setakat ini seramai 9,000 orang di kalangan masyarakat Sabah telah diberi latihan. Di samping itu memiliki kemahiran ICT bukan sahaja akan mencerahkan golongan sasaran ini mendapat pekerjaan bahkan menambah nilai untuk menjadi insan yang berkualiti. Justeru, dasar pembangunan program ICT akan membawa Kerajaan lebih rapat dengan rakyat serta mempermudah urusan orang awam dengan jabatan dan agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan secara *on line*.

Tuan Speaker,

### **Wanita ke Arah Kemajuan**

11. Kerajaan berusaha mewujudkan persekitaran yang sesuai serta mekanisma sokongan bagi membolehkan wanita menggunakan potensi mereka sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negeri dan menghadapi cabaran globalisasi. Dalam RMKe-9, Kerajaan Negeri akan mengambil pelbagai usaha lagi bagi meningkatkan keupayaan dan penyertaan serta

peluang kaum wanita dalam semua bidang dari aspek politik, sosial, ekonomi, pendidikan, undang-undang, kesihatan dan kesaksamaan gender. Sistem Maklumat Wanita sedang dibangunkan yang akan menjadi pangkalan data bagi perancangan program-program pembangunan wanita dalam aspek-aspek tersebut. Bangunan Wisma Wanita yang menelan belanja RM12.35 juta kini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada awal tahun 2008, adalah mercu tanda komitmen Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peranan wanita dalam arus pembangunan perdana. Di samping itu, rancangan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dan mendorong penyertaan mereka dalam program-program yang menguntungkan sedang difikirkan di beberapa buah daerah. Penubuhan koperasi wanita pula dijangka akan memberi peluang pekerjaan kepada kaum wanita dan ahli keluarga terutamanya dari kalangan ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap. Begitu juga dengan program PUANDESA (Pembangunan Usahawan Wanita Desa Sabah) yang memberi fokus kepada kegiatan ekonomi luar bandar berasaskan pertanian (agro-related).

Tuan Speaker,

### **Masyarakat Penyayang**

12. Kerajaan amat prihatin akan kebajikan golongan kurang bernasib baik di mana bantuan akan terus diberikan untuk membela nasib mereka. Masyarakat yang memerlukan perkhidmatan sosial dan bantuan am bagi menjamin kesejahteraan hidup adalah termasuk dalam kumpulan sasar seperti orang kurang upaya, wargatua, anak-anak yatim dan miskin dan

mereka yang dilanda musibah. Sejumlah RM66.00 juta disediakan untuk program-program perkhidmatan sosial dan kebajikan. **Sebagai tambahan kepada program penyayang ini saya umumkan tambahan bantuan kepada orang susah daripada RM30.00 ribu tahun ini kepada RM50.00 ribu bagi setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri pada tahun hadapan yang akan diurus atas budibicara mereka.** Selanjutnya, bagi mewujudkan masyarakat yang bersih daripada najis dadah kerajaan negeri turut memberi sumbangan RM240.00 ribu untuk PEMADAM negeri bagi membiayai aktivitinya, terutamanya dalam penganjuran program kesedaran tentang bahaya najis dadah. Kita akan sama-sama menjayakan matlamat Malaysia Bebas Dadah menjelang tahun 2015.

Tuan Speaker,

### **Kemajuan Luar Bandar**

13. Kerajaan akan memberi tumpuan sepenuhnya dalam usaha membasmi kemiskinan dengan mensasarkan tahun 2010 sebagai tahun mengakhiri zaman kemiskinan tegar di Sabah yang kini mengalami kadar kemiskinan yang tertinggi di Malaysia. Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Pusat mengambil pendekatan yang menyeluruh untuk mempercepat proses kemajuan bukan sahaja meningkatkan penyediaan infrastruktur seperti bekalan elektrik dan air luar bandar tetapi termasuklah penyediaan keperluan asas lain seperti perumahan, sekolah dan pusat-pusat kesihatan hingga ke program meningkatkan *literacy* melalui penyediaan perpustakaan desa dan e-desa. Melalui pendekatan ini dan bagi mencapai 100 peratus kadar *literacy*, kerajaan mensasarkan pembinaan perpustakaan

cawangan di setiap daerah dan dua buah perpustakaan desa bagi setiap kawasan ADUN.

Tuan Speaker,

14. Untuk memantapkan pelaksanaan program di bawah penyeliaan ADUN masing-masing, khususnya di luar bandar seperti keperluan kebajikan dan yang boleh menyumbang kepada usaha membasmi kemiskinan, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini pertambahan sebanyak RM10.06 juta di bawah Peruntukan Khas bagi seluruh kawasan ADUN. Ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada RM36.06 juta pada tahun hadapan, berbanding dengan RM26.00 juta pada tahun 2006. Ini bererti setiap kawasan ADUN akan menerima pertambahan peruntukan daripada RM350.00 ribu kepada RM500.00 ribu.

15. Program penempatan masyarakat setempat bagi kumpulan sasar yang disediakan dengan kemudahan asas dan program sosio-ekonomi telah giat dilaksanakan untuk mengatasi '*pockets of poverty*'. Bagi memastikan kemampuan untuk kehidupan sejahtera bagi golongan ini, program-program ekonomi seperti Mini Estet Sejahtera (MESEJ) di tiga puluh lokasi yang mengalami insiden kemiskinan tegar akan ditubuhkan. Selain itu program berskala dan impak besar akan terus menjadi rangka (*framework*) bagi membasmi kemiskinan di Sabah. Untuk meneruskan pembangunan ladang getah seluas 10,000 hektar di Bengkoka, Pitas sejumlah RM13.00 juta telah diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan pada

tahun hadapan. Untuk memesatkan lagi usaha ini, sejumlah RM154.43 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9 bagi Projek Berimpak Besar di Pulau Banggi melibatkan kawasan seluas 4,500 hektar yang merangkumi komponen-komponen seperti perladangan getah, perumahan, kemudahan infrastruktur dan penternakan ikan dalam sangkar. Kerajaan Negeri juga sangat berbesar hati dengan kelulusan sumbangan tambahan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM140.00 juta bagi tempoh RMKe-9 khusus untuk program-program pembasmian kemiskinan di Sabah, yang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Ko-Nelayan dan Yayasan Usaha Maju .

Tuan Speaker,

### **Pembangunan Belia Dan Sukan**

16. Berbagai program akan terus dikendalikan untuk melatih golongan belia dan beliawanis dalam program pembangunan belia mahupun kemajuan sukan. Kerajaan akan terus menyokong dan membantu pembiayaan program-program tersebut. Pada khususnya, penekanan akan diberikan untuk melatih dan membina jati diri supaya mereka berkemampuan untuk berfikir sendiri dan tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif akibat daripada pendedahan kepada media massa termasuk internet yang murah dan negatif dan akhirnya terbelenggu dalam gejala sosial. Latihan yang diberikan hendaklah latihan disiplin diri, boleh meningkatkan tahap kemahiran mereka, berkeupayaan untuk menyara hidup mereka dan

berdikari dan yang penting menghormati ibubapa, guru dan peraturan perundangan. Gaya hidup sihat melalui bersukan, apa jenis sukan sekalipun adalah berguna untuk kecergasan badan dan minda di samping dapat memupuk keharmonian di kalangan masyarakat majmuk di negeri ini. Begitu juga dengan kepelbagaian budaya suku kaum di Sabah yang telah menjadi ikatan kepada budaya toleransi yang memupuk kerjasama dan perpaduan.

Tuan Speaker,

### **Ke Arah Agensi Awam Yang *Vibrant***

17. Badan-badan berkanun dan agensi-agensi kerajaan negeri yang lain termasuklah GLCs, adalah sentiasa di seru dan diingatkan agar berusaha untuk menjana hasil dan mencari sumber-sumber pembiayaan masing-masing tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kewangan Kerajaan Negeri. Sekarang ini terdapat agensi-agensi berkenaan yang memiliki *credit standing* yang baik telah layak mendapat sumber alternatif kewangan dari institusi-institusi kewangan swasta selain daripada kerajaan. Perkembangan ke arah ini telah membuka lembaran baru bagi agensi-agensi seperti Sabah Development Bank yang berjaya menerbitkan bon dan Perbadanan Pinjaman Sabah pula mendapat keyakinan menerbitkan nota-nota perdagangan (commercial papers). Ini merupakan satu kejayaan kerana kedua-dua agensi ini dapat memainkan peranan mereka sepertimana yang diharapkan. **Kini banyak agensi awam dan GLCs telah mempunyai kedudukan kewangan yang sihat dan berkeupayaan mengisytiharkan dividen dan membayar balik pinjaman negeri sebagaimana tujuan asal**

**penubuhan mereka. Agensi-agensi tersebut adalah Sabah Development Bank, Perbadanan Pinjaman Sabah, Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd., Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd., Progressive Insurance Bhd., Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Sawit Kinabalu Bhd., SEDCO dan GLCs seperti Suria Capital Holdings Berhad dan Angkatan Hebat Sdn. Bhd.**

Tuan Speaker,

18. Kita mahu supaya semua agensi negeri berusaha untuk berdikari dengan mengukuhkan kedudukan kewangan masing-masing bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti atau program-program yang telah dikenalpasti. Ini bukanlah suatu perkara mustahil sekiranya mereka mampu menstabilkan kedudukan kewangan serta memastikan disiplin dan keunggulan dalam urusan jentera pentadbirannya. Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian serius dan bimbingan melalui program *capacity building* seperti yang diberikan kepada SAFODA, Yayasan Usaha Maju, Korporasi Pembangunan Desa dan Ko-Nelayan. Adalah juga menjadi hasrat dan tanggungjawab Kerajaan untuk berusaha mentransformasikan prestasi agensi kerajaan negeri yang masih bermasalah melalui dasar terbuka kerajaan. Dalam hubungan ini, Ko-Nelayan dan SAFODA telah keluar daripada sindrom pergantungan sepenuhnya daripada Kerajaan. Kedua-dua agensi ini bersama dengan Lembaga Sukan Negeri dapat menghasilkan laporan atau penyata tahunan kewangan yang kemaskini. Kejayaan ini perlu dicontohi oleh agensi-agensi kerajaan yang lain. Adalah amat mendukacitakan sekiranya terdapat agensi-agensi yang dulunya tidak

bermasalah, sekarang ini gagal menyiapkan penyata kewangan mereka mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Speaker,

19. Seiring dengan pelaksanaan langkah-langkah ke arah prestasi *vibrant* di kalangan agensi-agensi awam ini, telah terbukti bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai amalan tadbir urus korporat yang baik dan telus (*good governance practices*), berkeupayaan meraih pencapaian terbaik dalam kewangan mereka manakala syarikat yang mempunyai amalan tadbir urus korporat yang goyah selalunya gagal. Pentadbiran yang baik dengan hanya mematuhi peraturan undang-undang adalah tidak memadai, ianya hendaklah mencakupi amalan etika yang tinggi, standard individu dan berkumpulan yang unggul serta tanggungjawab peribadi. Oleh itu, Kementerian Kewangan sebagai nadi penggerak pelaksanaan amalan tadbir urus korporat dengan menggunakan khidmat sebuah firma konsultan akan membangunkan amalan tadbir urus korporat yang terbaik di kalangan agensi-agensi awam dan GLCs. Sebagai permulaan pewujudan tiga buah Jawatankuasa iaitu “*Nomination Committee*”, “*Oversight Committee*” dan “*Remuneration Committee*”, akan diberi tumpuan.

Tuan Speaker,

### **Strategi Bajet 2007**

20. Dasar ke atas pengembangan sektor ekonomi yang kian rancak berjalan memerlukan sokongan menerusi penyediaan infrastruktur asas,

pembangunan sumber tenaga dan modal insan, proses pemantapan pengurusan awam dalam pelbagai aspek dan program-program sosial. Sewajarnya peruntukan perbelanjaan dalam aspek mengurus dan pembangunan akan bertambah. Sehubungan ini bajet defisit sebagai instrumen fiskal difikir sesuai dan pembiayaan adalah melalui proses pengimbangan diantara hasil tradisional utama negeri, percukaian dan pinjaman. Namun beban pembiayaan ke atas pembangunan tidak terletak di bahu kerajaan negeri semata-mata. Justeru, kerajaan termasuk Kerajaan Pusat serta sektor swasta hendaklah bergerak sehaluan dan mantap, memainkan peranan yang berkesan dalam pengembangan ekonomi negeri. Untuk kesinambungan, Strategi Bajet Negeri 2007 adalah dengan meneruskan strategi Bajet 2006 untuk tempoh tiga tahun hingga Kajian Separuh Penggal (*Mid-Term Review*), RMKe-9 iaitu,

- **Memastikan keberkesanan institusi perkhidmatan awam dan pengurusan kewangan yang vibrant bagi mendokong sistem penyampaian dan mengukuhkan daya saing;**
- **Meningkatkan sistem rasionalisasi, penyelarasan dan perundingan menerusi mekanisme tertentu di kalangan semua agensi pelaksana negeri dan persekutuan;**
- **Menyediakan dan memantapkan infrastruktur ekonomi dan kemudahan-kemudahan asas, fundamental kearah meransang perkembangan ekonomi dalam aspek (nilai tambah dan rangkaian), dan pemangkin kepada penglibatan sektor swasta dalam sektor-sektor Halatuju;**

- **Memastikan penggunaan sumber asli diurus dengan mapan dan persekitaran alam semula jadi dilindungi secara berkesan;**
- **Membangunkan modal insan sebagai agen dan pemangkin dalam pertumbuhan dan penyertaan ekonomi moden dan pembangunan akhlak; dan**
- **Memastikan rakyat terus berpeluang menikmati peningkatan kesejahteraan menerusi program-program dalam kualiti hidup.**

## **EKONOMI DUNIA**

Tuan Speaker,

21. Pertumbuhan ekonomi global kekal (mempunyai asas yang luas) dan pesat di sepanjang tahun 2006, dengan kebanyakan wilayah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Pada tahun 2006, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berada pada kadar 5.1 peratus, (satu peningkatan sejak tempoh 30 tahun) daripada 4.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2005. Kebanyakan ekonomi negara maju dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang teguh pada tahun 2006 berbanding tahun 2005, dengan Negara Amerika Syarikat mendahului pertumbuhan pada kadar 3.4 peratus (2005: 3.2 peratus), diikuti dengan Kesatuan Eropah (European Union) pada kadar 2.4 peratus (2005: 1.3 peratus) dan Jepun pada kadar 2.7 peratus (2005: 2.6 peratus). Manakala ekonomi China dan India, sebaliknya,

dijangka akan tumbuh secara sederhana, dan diunjurkan mencatat kadar pertumbuhan masing-masing pada kadar 10.0 peratus dan 8.3 peratus pada tahun 2006, iaitu menurun dari 10.2 peratus dan 8.5 peratus yang dicapai pada tahun 2005.

22. Pada tahun 2007, pertumbuhan ekonomi global dijangkakan sederhana, disebabkan impak harga minyak yang masih di tahap tinggi sebelum ini, peningkatan tekanan inflasi, kadar faedah yang tinggi dan ketegangan geopolitik. Dengan demikian, ekonomi dunia diunjurkan tumbuh pada kadar yang agak perlahan 4.9 peratus pada tahun 2007 berbanding dengan 5.1 peratus tahun 2006. Pada tahun 2007, ekonomi Amerika Syarikat diunjurkan berkembang pada kadar 2.9 peratus sementara Kesatuan Eropah dan Jepun masing-masing pada kadar 2.9 peratus dan 2.0 peratus. Perkembangan ekonomi di China dijangkakan akan tumbuh secara stabil pada kadar 10.0 peratus pada tahun 2007 sementara India dijangkakan akan mengalami penurunan pertumbuhan pada kadar 7.3 peratus.

## **EKONOMI MALAYSIA**

Tuan Speaker,

23. Ekonomi Malaysia diunjurkan akan tumbuh pada kadar 5.8 peratus pada tahun 2006, satu keadaan yang bertambah baik berbanding dengan 5.2 peratus yang dicapai pada tahun 2005. Pertumbuhan pada tahun 2006 kekal berdasarkan pelbagai, didahului oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Ekonomi Malaysia dijangka akan mengukuh pada tahun 2007, walaupun suasana luaran semakin mencabar. Pertumbuhan pada

tahun 2007 akan kekal berdasarkan pelbagai dan sumbangan positif dari semua sektor ekonomi. Bagi tahun 2007, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ( KDNK ) sebenar diunjurkan pada kadar 6.0 peratus, selaras dengan sasaran pertumbuhan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal per kapita dijangka meningkat sejumlah 7.2 peratus mencapai RM21,168 (2006: 9.4 peratus; RM19,739), menunjukkan peningkatan kesejahteraan rakyat. *Dari segi kuasa membeli, pendapatan per kapita dijangka meningkat pada 6.7 peratus mencapai USD12,666 (2006: 11.8 peratus; USD11,871)*

24. Selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang baik, agregat perbelanjaan domestik sebenar dijangka meningkat pada kadar 7.1 peratus pada tahun 2007 (2006: 7.8 peratus) diteguhkan kebanyakannya oleh perbelanjaan pelaburan dan perbelanjaan pengguna yang tidak berubah. Pada tahun 2007, perbelanjaan sektor swasta diunjurkan meningkat sebanyak 7.2 peratus (2006: 7.6 peratus) sementara perbelanjaan sektor awam dijangka sederhana pada 6.7 peratus (2006: 8.0 peratus). Perbelanjaan pelaburan swasta diunjurkan mencatatkan pertumbuhan yang teguh pada kadar 10.5 peratus pada tahun 2007 menyumbang kepada 13 peratus dari KDNK (2006: 10.1 peratus; 12.5 peratus dari KDNK), dan penggunaan swasta diunjurkan meningkat sejumlah 6.4 peratus (2006: 7.1 peratus). Penggunaan awam sebaliknya, diunjurkan kekal kukuh pada kadar 5.4 peratus (2006: 5.5 peratus) bagi tahun 2007, sementara pelaburan awam diunjurkan meningkat dalam kadar sebenar (in real terms) sejumlah 8.0 peratus (2006: 10.6 peratus).

## **EKONOMI SABAH**

Tuan Speaker,

25. Tahun ini merupakan tahun yang mencabar disebabkan ketidakpastian dalam persekitaran global. Dari segi perspektif ekonomi, pergolakan di Timur Tengah, ketidakstabilan harga petroleum, kadar faedah dan ketidak seimbangan dagangan global merupakan kebimbangan yang utama yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi dunia.

26. Di sebalik keadaan luaran yang kurang memberangsangkan ini, agak melegakan apabila momentum pertumbuhan ekonomi negeri dapat bertahan dengan jangkaan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus pada tahun ini dan disekitar 6.0 peratus pada tahun hadapan. Prestasi yang menggalakkan ini didorong oleh kenaikan harga komoditi, pertambahan pelaburan awam dan swasta serta penggunaan domestik.

27. Sektor pertanian yang didorong oleh prestasi minyak sawit dan getah akan menampakkan pertumbuhan yang positif. Pengeluaran minyak sawit mentah dijangka mencapai 5.4 juta tan tahun ini daripada 5.2 juta tan tahun lepas. Begitu juga dengan pengeluaran getah yang menunjukkan pertambahan yang besar dengan eksport yang dianggarkan mencapai 58,000 tan daripada 49,000 tan dua tahun lepas. Pelaburan dalam sektor pertanian akan terus meningkat sebagaimana yang ditunjukkan oleh pertumbuhan dua angka (double-digit growth) iaitu sebanyak 15 peratus dalam pinjaman yang dikeluarkan pada sektor ini dalam tempoh setengah tahun pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Selain daripada kelapa sawit,

pelaburan yang lebih besar akan ditumpukan kepada getah dan pengeluaran makanan selari dengan arahnya pembangunan pertanian di bawah RMKe-9. Tambah nilai yang tinggi dalam keluaran berasaskan minyak sawit mentah akan dapat dihasilkan dengan adanya teknologi yang intensif dalam loji 'oleochemical', loji biodiesel, pembuatan baja dan penapisan. Prospek dalam industri berasaskan sawit bertambah cerah dengan keperluan perlabelan (*labelling*) 'trans-fat' di Amerika Syarikat dan juga pertambahan permintaan 'biofuel' di Eropah.

28. Pertumbuhan dalam sektor pembuatan juga akan didorong oleh pembesaran loji methanol dan kenaikan taraf dan pertambahan kapasiti kilang pengeluaran kertas. Di samping itu, dua puluh lima buah (25) lagi kilang akan dibina di KKIP dengan kemampuan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Dengan penyiapan dua buah institusi latihan dan penyelidikan iaitu INTAN cawangan Sabah dan Lembaga Koko Malaysia ini akan dapat membantu kearah perkembangan sumber tenaga industri di negeri ini.

Tuan Speaker,

29. Pembentukan Plan Konsep Pelancongan Tempatan bagi daerah-daerah telah mengenalpasti peluang-peluang pelaburan. Beberapa destinasi pelancongan baru dilaksanakan oleh kerajaan negeri termasuklah Sanktuari Hidupan Liar Padang Teratak di Beaufort, Taman Zoologi dan Botani di Lok Kawi, Taman Marin Tun Sakaran di Semporna, Taman Marin Tun Mustapha, di Kudat dan Taman Bukit Tawau. Pada masa yang sama juga program 'homestay' turut diperkenalkan di kawasan yang kaya dengan

tradisi setempat. Industri pelancongan di negeri ini, akan terus berkembang dengan penerbangan terus antarabangsa ke sembilan buah negara dengan pertambahan 81 penerbangan seminggu dengan kapasiti 13,388 tempat duduk berbanding dengan 78 penerbangan seminggu dengan 11,952 kapasiti tempat duduk dalam tempoh setengah tahun yang pertama tahun lepas. Sektor ini menikmati pertumbuhan yang kukuh dengan pertambahan ketibaan pelancong sebanyak 9.5 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini melepasi bilangan satu juta pelancong yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Industri perhotelan akan terus berkembang dengan kadar purata bagi bilik yang dihuni sebanyak 75 peratus. Pembukaan lebih banyak hotel lima bintang termasuk hotel harga murah (*budget hotel*) akan bertambah cerah. Bilangan pusat peranginan juga telah meningkat. Manakala aktiviti dalam sektor perlombongan dijangka akan meningkat dengan penemuan beberapa telaga minyak yang baru di perairan negeri Sabah sejak beberapa tahun lepas.

Tuan Speaker,

30. Walaupun berhadapan dengan gelombang globalisasi dan persaingan yang hebat di peringkat antarabangsa, keyakinan para pelabur meningkat akibat kestabilan politik negeri ini dan potensi ekonomi yang makin berkembang. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank komersial telah meningkat kepada 17.7 peratus mencecah RM21.7 billion dalam tempoh setengah tahun pertama tahun ini. Pertumbuhan dua angka (*double-digit growth*) ditunjukkan dalam semua sektor produktif seperti

pembuatan, pertanian, perlombongan serta kuari, borong dan runcit, restoran dan perhotelan. Pinjaman untuk pelaburan dalam sektor harta adalah yang terbesar yang melibatkan 30 peratus dalam jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Manakala pinjaman untuk modal kerja adalah yang kedua terbesar dengan jumlah 26.5 peratus. Keyakinan yang meningkat dalam bidang-bidang perniagaan ini telah menambah penggunaan swasta.

Tuan Speaker,

31. Tahun kedua RMKe-9, ini akan melibatkan lebih banyak projek-projek pembangunan dilaksanakan setelah melalui peringkat rekabentuk dan pemanggilan tender dalam tahun pertama. Penggunaan awam dijangka meningkat sebanyak 3 peratus hingga 4 peratus akibat peningkatan dalam perbelanjaan untuk emolumen, perbekalan dan perkhidmatan. Sektor luaran akan terus berkembang dengan jangkauan lebih dagangan berada dalam lingkungan sebanyak RM5.5 bilion - RM6 bilion tahun ini. Kedua-dua eksport dan import mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan. Penyumbang kepada eksport yang utama ialah kelapa sawit di ikuti oleh minyak mentah, papan lapis, 'palm oil kernel' manakala keluaran petroleum, kenderaan, jentera berat, baja, besi dan 'steel' merupakan item yang utama bagi import. Berkenaan dengan kadar inflasi adalah seiringan dengan kadar inflasi negara yang mengalami peningkatan akibat kenaikan harga minyak. Dalam tempoh tujuh bulan yang pertama tahun ini, kadar inflasi meningkat kepada 4.1 peratus berbanding 2.9 peratus yang dialami tahun lepas. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka menurun dalam suku tahun terakhir tahun ini akibat penstabilan harga minyak. Dengan kadar pengangguran sebanyak 6 peratus

tahun ini, pasaran buruh menunjukkan sedikit peningkatan berbanding dengan kadar pengangguran sebanyak 6.3 peratus tahun lepas.

## **ANGGARAN HASIL**

Tuan Speaker,

**32. Hasil Negeri Sabah bagi tahun 2007 adalah dianggarkan sebanyak RM1,899.49 juta. Hasil disemak bagi tahun 2006 berjumlah RM1,952.38 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak RM365.51 juta, atau lebih kurang 23 peratus berbanding sasaran asal iaitu RM1,586.87 juta. Daripada Anggaran Hasil ini, sebanyak RM620.30 juta atau 33 peratus adalah di bawah kategori Hasil Cukai; RM1,082.22 juta atau 57 peratus di bawah kategori Hasil Bukan Cukai dan RM196.97 juta atau 10 peratus di bawah Terimaan Bukan Hasil.**

33. Cukai Jualan terus mengungguli kategori Hasil Cukai. Pada tahun lalu, pendapatan melalui Cukai Jualan mencecah RM588.20 juta. Anggaran disemak bagi tahun ini ialah RM511.50 juta berbanding dengan anggaran asal berjumlah RM461.50 juta, menunjukkan peningkatan hampir 11 peratus. Bagi tahun 2007, sebanyak RM579.00 juta dianggarkan dapat dikutip melalui Cukai Jualan, atau lebih kurang 30 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil negeri. Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah adalah merupakan penyumbang utama bagi satu item dengan anggaran RM517.00 juta, atau lebih kurang 27 peratus daripada keseluruhan hasil negeri bagi tahun hadapan. Dengan harga dan jumlah pengeluaran yang lebih tinggi, anggaran disemak bagi tahun 2006 berjumlah RM450.00 juta, peningkatan

melebihi 12 peratus daripada anggaran asal RM400.00 juta. Dua lagi item dalam komponen ini ialah Cukai Jualan Tiket Loteri dan Cukai Jualan melalui Mesin Slot masing-masing dianggarkan sebanyak RM55.00 juta dan RM7.00 juta.

34. Satu lagi penyumbang tetap di bawah kategori Hasil Cukai ialah Sewa Tanah. Anggaran disemak bagi tahun 2006 menurun sedikit kepada RM38.00 juta berbanding anggaran asal sebanyak RM41.00 juta. Walau bagaimanapun, penyusunan semula Jabatan Tanah dan Ukur dengan strategi dan langkah-langkah baru yang sedang dilaksanakan sekarang, adalah dijangkakan sekurang-kurangnya RM40.00 juta dapat dikutip daripada Sewa Tanah pada tahun 2007. Sebanyak RM1.3 juta dijangka dapat dipungut melalui Cukai Pelabuhan dan Dermaga, menunjukkan sedikit peningkatan berbanding dengan anggaran disemak sebanyak RM1.24 juta pada tahun ini.

Tuan Speaker,

35. Di bawah kategori Hasil Bukan Cukai, Royalti adalah penyumbang utama dengan anggaran berjumlah RM637.83 juta pada tahun hadapan merupakan penyumbang tertinggi keseluruhan, atau lebih kurang 33 peratus daripada hasil negeri bagi tahun 2007. Sebanyak RM300.40 juta dianggarkan oleh Jabatan Perhutanan dapat dikutip melalui Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan pada tahun 2007 manakala anggaran disemak berjumlah RM319.20 juta bagi tahun ini. Anggaran pengeluaran balak pada

tahun ini telah disemak kepada 4.6 juta meter padu dengan 1 juta meter padu bagi tujuan eksport manakala pada tahun hadapan, pengeluaran dijangka hanya berjumlah 4.2 juta meter padu, dengan 0.80 juta meter padu untuk eksport. Royalti Eksport Kayu Diproses yang dianggarkan pada tahun 2007 hanya berjumlah RM6.64 juta berbanding dengan anggaran disemak sebanyak RM11.65 juta bagi tahun ini.

36. PETRONAS menganggarkan sebanyak RM330.80 juta sebagai bayaran Royalti Petroleum kepada Kerajaan Negeri Sabah pada tahun hadapan. Jumlah ini menyumbang lebih kurang 17 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil negeri yang dianggarkan bagi tahun 2007. Anggaran disemak bagi tahun 2006 ialah RM409.73 juta, peningkatan hampir 81 peratus berbanding dengan anggaran asal iaitu RM226.54 juta. Tiga faktor penting memainkan peranan dalam jumlah pembayaran Royalti Petroleum iaitu jumlah pengeluaran, harga minyak mentah dan kadar pertukaran wang asing.

37. Bayaran Premium juga merupakan satu lagi penyumbang penting dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Sebanyak RM143.00 juta, atau melebihi 7 peratus daripada keseluruhan hasil negeri, dijangka dapat dipungut melalui Premium pada tahun hadapan. Terdapat dua item di bawah Premium iaitu Premium dari Jualan Tanah di mana RM80.00 juta dijangka dapat dipungut dan kedua, Premium Kayu Balak dengan RM63.00 juta dianggarkan pada tahun 2007.

Tuan Speaker,

38. Perolehan Dari Jualan Barang-barang dianggarkan dapat menyumbang sebanyak RM128.25 juta, atau hampir 7 peratus daripada jumlah hasil negeri, pada tahun 2007 berbanding dengan anggaran disemak RM120.40 juta bagi tahun ini. Penyumbang-penyumbang utama dalam komponen ini dijangka daripada Jualan Air dengan jumlah RM101.48 juta, diikuti oleh Jualan Sarang Burung dengan sumbangan sebanyak RM17.10 juta, Jualan Susu Segar RM5.00 juta, RM1.50 juta daripada Jualan Bibit Sawit, dan RM1.00 juta daripada Jualan Benih-benih Pertanian.

39. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan dianggarkan dapat menyumbang RM93.13 juta pada tahun hadapan. Dividen Perbadanan-Perbadanan Awam termasuk GLCs dianggarkan menyumbang sebanyak RM70.00 juta pada tahun 2007 manakala anggaran disemak pada tahun ini dijangka berjumlah RM115.00 juta. Anggaran disemak tahun ini agak tinggi oleh kerana Sabah Development Bank telah mengisytiharkan dividen berjumlah RM65.00 juta pada hujung tahun 2005, tetapi hanya diterima pada tahun 2006. Daripada dividen tersebut, Kerajaan Negeri memperolehi RM25.00 juta melalui rebat cukai. Pada tahun hadapan, Faedah atas Baki Wang Tunai dan Simpanan Jangka Pendek dianggarkan berjumlah RM15.00 juta. Lain-lain termasuklah Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun (RM4.00 juta), Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Perbadanan-Perbadanan Awam (RM2.00 juta), dan Faedah daripada Pinjaman yang lain (RM2.00 juta).

Tuan Speaker,

40. Di bawah komponen Sewaan pula, sebanyak RM21.85 juta dianggarkan pada tahun 2007, manakala anggaran disemak berjumlah RM22.16 juta pada tahun ini. Sewa Bangunan merupakan penyumbang tertinggi dengan anggaran RM16.95 juta. Daripada jumlah ini, RM15.40 juta adalah daripada Sewa Bangunan Wisma Sime Darby kepunyaan Kerajaan Negeri Sabah. Kutipan Sewa melalui Bangunan Wisma Tun Fuad dianggarkan sebanyak RM1.2 juta. Berkaitan dengan Bayaran Perkhidmatan dan Ikhtisas, sebanyak RM12.25 juta dianggarkan pada tahun 2007, mengalami sedikit penurunan berbanding dengan anggaran disemak iaitu RM14.13 juta pada tahun ini. Antara penyumbang dalam komponen ini ialah Jabatan Perhutanan (RM4.00 juta), Jabatan Cetak (RM1.98 juta), Jabatan Air (RM1.52 juta), Jabatan Kerja Raya (RM1.20 juta), Jabatan Keretapi (RM0.77 juta), dan Jabatan Haiwan (RM0.75 juta).

41. Pelbagai Hasil di bawah kategori Hasil Bukan Cukai dijangka dapat menyumbang RM40.95 juta pada tahun hadapan. Penyumbang terbesar dalam komponen ini ialah Perolehan daripada Pemindahan Pinjaman-Pinjaman kepada Kumpulan Wang Badan-Badan Berkanun dan Lain-lain dengan anggaran sebanyak RM20.00 juta pada tahun 2007. Hasil-hasil pelbagai lain terdiri daripada Hasil-hasil Lain Tanah dan Ukur (RM8.00 juta), Pelbagai Hasil Hutan (RM7.00 juta), Pelbagai Hasil Air (RM2.00 juta), Lebihan yang Terdapat Balik (RM1.00 juta) dan lain-lain. Terimaan Bukan Hasil dijangka dapat menyumbang sebanyak RM196.97 juta, atau lebih kurang 10 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil negeri pada tahun hadapan. Semua pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

dimasukkan di bawah kategori ini. Ini termasuklah Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama dengan RM50.60 juta, Pemberian Mengikut Kiraan Kepala (RM42.95 juta), Pemberian Khas (RM26.70 juta), Sumbangan kepada Kos Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan (RM20.95 juta), Pemberian Pertambahan Hasil (Bahagian Pertama) (RM4.00 juta) dan Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Jabatan Muzium (RM1.4 juta).

Tuan Speaker,

42. Mengenai Pemberian untuk menggantikan Duti Import dan Eksais ke atas Barangan Petroleum yang telah dimansuhkan pada tahun 2000, Kerajaan Negeri menganggarkan sebanyak RM50.00 juta pada tahun hadapan. Ini berdasarkan jumlah dalam Anggaran Persekutuan Tahun 2007 di mana RM100.00 juta disediakan bagi Sabah dan Sarawak. Kerajaan Negeri berkeyakinan bahawa Kerajaan Persekutuan yang sedang membuat pertimbangan ke atas cadangan Kerajaan Negeri akan dapat diselesaikan pada tahun hadapan bagi menggantikan kehilangan hasil yang utama ini.

## **ANGGARAN PERBEKALAN**

Tuan Speaker,

43. Bagi terus mendokong momentum kemajuan dan dengan mengambilkira kedudukan kewangan negeri yang kian mengukuh dan stabil, saya mencadangkan **Anggaran sejumlah RM1,998.33 juta diperuntukan bagi tahun 2007**, bagi memenuhi tanggungjawab untuk

membangunkan masyarakat, ekonomi dan infrastruktur ke satu tahap yang lebih tinggi sepertimana diharapkan. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak RM63.96 juta atau 3.3 peratus berbanding tahun 2006. Dengan mengambilkira Anggaran Hasil bagi tahun 2007 sebanyak RM1,899.49 juta, Anggaran Negeri bagi tahun hadapan akan mengalami defisit sebanyak RM98.83 juta.

44. **Cadangan anggaran bagi Perbelanjaan Emolumen adalah sebanyak RM515.85 juta** melibatkan peningkatan perbelanjaan sebanyak RM14.43 juta atau 2.88 peratus berbanding anggaran yang disemak dalam tahun 2006 iaitu sebanyak RM501.42 juta. Peningkatan ini adalah atas sebab pengisian jawatan kosong, kenaikan tahunan dan penyelarasan gaji. Kerajaan akan berusaha untuk mengawal perbelanjaan emolumen.

45. **Peruntukan sebanyak RM641.13 juta adalah disyorkan untuk Perbelanjaan Berulang** yang menunjukkan penurunan sebanyak RM10.4 juta atau 1.6 peratus berbanding dengan anggaran yang disemak sebanyak RM651.53 juta dalam tahun 2006. Komponen Perbelanjaan Berulang meliputi pengurusan kapasiti dalam sektor awam, pembangunan sumber manusia, program kebajikan am, pemantapan pejabat-pejabat daerah dan sebagainya.

Tuan Speaker,

46. **Manakala peruntukan sejumlah RM841.34 juta adalah untuk Perbelanjaan Khas bagi tahun 2007** menunjukkan kenaikan sebanyak RM59.93 juta atau 7.67 peratus berbanding dengan anggaran yang disemak

sebanyak RM781.41 juta bagi tahun 2006. Perbelanjaan terbesar sebanyak RM105.00 juta adalah disediakan untuk komitmen tiga (3) buah konsesi air mengikut bayaran kadar minima sahaja. Sukacita saya memaklumkan bahawa proses pengkorporatan Jabatan Air Sabah sedang dirancang dan jika dapat dilaksanakan sepenuhnya, maka beban kewangan Negeri akan dapat dikurangkan dalam jangka masa panjang. Selain itu antara komponen-komponen perbelanjaan yang telah menyumbang kepada peningkatan Perbelanjaan Khas adalah caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun; caruman Kumpulan Wang Pembangunan; perbelanjaan pemindahan; pembelian kenderaan untuk menggantikan kenderaan kerajaan yang usang; bantuan khas kepada nelayan, petani dan penternak; pembaikan am ke atas jeti-jeti; pembelian alat komunikasi; pemasangan Lintasan Rata awam keretapi; pemberian untuk pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam; pembayaran tunggakan bil elektrik; perbelanjaan keatas skim sangkutan dan latihan graduan; peralatan ukur dan kelengkapan; termasuk penyediaan peralatan dan penyewaan komputer, manual software serta alat-alat teknikal untuk meningkatkan kapasiti pentadbiran.

Tuan Speaker,

47. Dalam usaha kita mencapai kemajuan para pekerja kita baik di sektor awam mahupun sektor swasta hendaklah tidak dilupakan. Peluang pendidikan, peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran merupakan faktor penentu bagi menjayakan halatuju kerajaan. Oleh yang demikian, penekanan dalam memajukan pembangunan sumber manusia adalah menjadi tanggungjawab yang kekal. Sejumlah RM70 juta telah disediakan

yang mana, RM23 juta adalah untuk biasiswa, RM30 juta untuk sekolah-sekolah dan latihan sektor awam dan RM17 juta untuk latihan dalam perkhidmatan.

48. Pengagihan peruntukan Perbekalan yang dicadangkan bagi tahun 2007 mengikut kementerian, jabatan adalah seperti berikut:-

	Kementerian	RM Juta	Peratus
1	Kementerian Kewangan	634.95	31.77
2	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	416.29	20.83
3	Jabatan Ketua Menteri	315.28	15.78
4	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	208.23	10.42
5	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	84.41	4.22
6	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	80.32	4.02
7	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	55.52	2.78
8	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	53.09	2.66
9	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	37.58	1.88
10	Kementerian Belia dan Sukan	23.58	1.18
11	Kementerian Pembangunan Perindustrian	6.49	0.32
12	Perbelanjaan tidak tersenarai dalam kementerian	18.69	0.94
13	Perbelanjaan Tanggungan	63.90	3.20
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,998.33</b>	<b>100</b>

## ANGGARAN PEMBANGUNAN

Tuan Speaker,

49. Perbelanjaan wang negeri bagi Pembangunan tahun 2007 melibatkan sejumlah sebanyak RM1,363.56 juta iaitu penambahan sebanyak RM10.79 juta atau 0.8 peratus berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun 2006 iaitu sebanyak RM1,352.77 juta. Daripada jumlah tersebut RM755.63 juta dibiayai melalui Wang Negeri, RM74.93 juta Imbuh Balik Persekutuan dan RM533.00 juta Pinjaman Persekutuan. Pecahan perbelanjaan bagi kedua-dua item ini dinyatakan dalam jadual berikut:-

#### **Bayaran Balik Persekutan**

Pertanian	...	...	...	...	...	...	RM17.40 juta
Haiwan	...	...	...	...	...	...	RM23.13 juta
Pengairan dan Saliran	...	...	...	...	...	...	<u>RM34.40 juta</u>
						<b>Jumlah</b>	<b><u>RM74.93 juta</u></b>

#### **Pinjaman Persekutuan**

Pembetulan, DBKK	...	...	...	...	...	RM 13.00 juta	
Pembetulan, JKR	...	...	...	...	...	RM 41.00 juta	
Bekalan Air	...	...	...	...	...	RM310.00 juta	
Kementerian Pembangunan Perindustrian	...	...	...	...	...	<u>RM169.00 juta</u>	
						<b>Jumlah</b>	<b><u>RM533.00 juta</u></b>

50. Bagi pengagihan mengikut sektor pula, sejumlah RM495.00 juta atau 66 peratus adalah bagi pelaksanaan program dan projek pembangunan di bawah Sektor Ekonomi. Ini diikuti oleh Sektor Sosial yang menerima sejumlah RM192.38 juta atau 25 peratus, manakala RM59.75 juta atau 8

peratus adalah dicadang bagi Sektor Pentadbiran Am. Lebih sebanyak RM8.5 juta adalah untuk tujuan Kontingensi.

51. Pengagihan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan yang dicadangkan bagi tahun 2007 mengikut kementerian, jabatan adalah seperti berikut:-

	Kementerian	RM Juta	Peratus
1	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	311.83	41.30
2	Jabatan Ketua Menteri	135.05	17.90
3	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	124.76	16.50
4	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	59.12	7.80
5	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	44.69	5.90
6	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	16.81	2.20
7	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	17.10	2.30
8	Kementerian Kewangan	13.46	1.80
9	Kementerian Belia dan Sukan	13.25	1.80
10	Kementerian Pembangunan Perindustrian	8.82	1.20
11	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	2.24	0.30
12	Simpanan Luar Jangka	8.50	1.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>755.63</b>	<b>100.00</b>

52. Seperti pada tahun-tahun lalu Kementerian Pembangunan Infrastruktur adalah penerima peruntukan pembangunan yang terbesar iaitu sebanyak RM311.83 juta atau 41.3 peratus diikuti oleh Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, masing-masing

diperuntukkan sebanyak RM135.05 juta atau 17.9 peratus dan RM124.76 juta atau 16.5 peratus.

## **SUMBANGAN PERSEKUTUAN**

Tuan Speaker,

53. Bajet Pembangunan Negeri pada tahun 2007 juga memaparkan sumbangan Kerajaan Persekutuan yang dibelanjakan di Sabah menerusi jentera pentadbiran persekutuan iaitu sebanyak RM856.75 juta Pemberian Cara Langsung Persekutuan. Peruntukan di bawah sumbangan ini adalah untuk program/projek pembangunan seperti berikut:-

### **PEMBERIAN CARA LANGSUNG PERSEKUTUAN**

Pembangunan Perhutanan ...	...	...	...	RM 22.30 juta
Penanaman Getah ...	...	...	...	RM 21.10 juta
Perikanan ...	...	...	...	RM 20.70 juta
Jalan Raya dan Jambatan ...	...	...	...	RM641.40 juta
Bekalan Elektrik Luar Bandar ...	...	...	...	RM 78.50 juta
Bekalan Air Luar Bandar...	...	...	...	RM 72.75 juta
				-----
			<b>JUMLAH</b>	<b>RM856.75 juta</b>
				-----

Tuan Speaker,

54. Di sini saya bagi pihak Kerajaan Negeri amat berterima kasih atas Pemberian Persekutuan ini dan nyata sekali dengan bantuan ini pencapaian ke atas kesejahteraan rakyat di negeri ini berada di tahap yang tinggi akan lebih terjamin, InsyaAllah.

## **PENUTUP**

Tuan Speaker,

55. Kita telah mensasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam lingkungan 6 hingga 7 peratus bagi tempoh RMKe-9.

Kadar pertumbuhan ini walaupun satu indikator yang berguna tetapi ianya bukanlah menjadi matlamat mutlak. Isu-isu kemiskinan, perumahan, bekalan elektrik dan air di luar bandar terutamanya masih memerlukan perhatian yang mendalam dan strategi yang khusus untuk memastikan peruntukan perbelanjaan menepati sasaran dan mengikuti jadual yang ditetapkan. *'Pockets of poverty'* di negeri ini yang mencetuskan keluarga termiskin tegar tertinggi di Malaysia akan dibasmi menerusi pembangunan tanah terbiar dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit, getah dan herba. Penglibatan di kalangan agensi-agensi awam seperti Lembaga Industri Getah Sabah, Ko-Nelayan, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, KPD, Yayasan Usaha Maju, program ladang FELCRA di Pulau Banggi secara langsung akan menjadi pemangkin ke arah menjayakan strategi ini, bersama-sama dengan gerakan jentera jabatan-jabatan kerajaan.

Tuan Speaker,

56. Walaupun sejak tiga tahun kebelakangan ini, tren kutipan hasil negeri menunjukkan peningkatan yang positif, ini tidak bermakna Kerajaan Negeri boleh berpuas hati dengan pencapaian ini. Usaha untuk memantapkan hasil negeri akan ditingkatkan. Dalam pada itu, sistem kutipan hasil akan terus ditambahbaik agar kutipan hasil dapat

diptimumkan, mengelakkan kehilangan hasil, pengurangan tunggakan hasil serta memperbaiki kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaan. Dalam masa yang sama, langkah dan amalan berjimat cermat dalam perbelanjaan yang ditekankan oleh Kerajaan Negeri selama ini akan terus diberi perhatian serius.

Tuan Speaker,

57. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan pengurusan aset dan pelaburan milik Kerajaan Negeri tidak sewenang-wenangnya dilepaskan kepada individu atau syarikat. Masalah ini telah menyebabkan Kerajaan dan rakyat mengalami kerugian berjuta-juta ringgit, di samping membayar ganti rugi akibat daripada '*bad deals*'. Justeru, saya menyeru dan mempelawa kepada semua rakyat negeri ini, untuk memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan untuk membangunkan semula kekayaan negeri ini untuk dimanfaatkan dan dinikmati bersama, dan demi untuk generasi yang akan datang. Proses konsolidasi adalah salah satu pendekatan untuk memperkukuhkan pengurusan ke atas sumber-sumber, aset dan ekuiti kerajaan bagi mencapai tujuan ini.

58. Bagi mengekalkan momentum pembangunan, Kerajaan telahpun memulakan perancangan kewangan untuk mendapatkan sumber kewangan alternatif menerusi pasaran bon mahupun lain-lain pakej kewangan yang terdapat dalam pasaran kewangan. Ini adalah disebabkan pengurusan kewangan negeri telah mendapat pengiktirafan "*Good Credit Rating*" oleh Badan Penarafan Antarabangsa. Saya menaruh keyakinan, pendekatan ini dapat mencerahkan iklim pelaburan di negeri Sabah.

Tuan Speaker,

59. Usaha ke atas peningkatan kesejahteraan rakyat akan ditambah dengan program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan yang terkandung dalam Bajet Negara 2007. Sebagai contoh, pemberian subsidi dalam bidang pertanian, dan pelbagai skim bantuan dan pinjaman mudah untuk usahawan kecil dan sederhana perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu UPEN berserta kementerian dan jabatan berkenaan yang lain hendaklah masing-masing memainkan peranan yang lebih aktif lagi dalam tanggungjawab menyelaras keperluan-keperluan dengan *counterpart* mereka diperingkat persekutuan. Ini termasuklah pelbagai bidang latihan dalam perkhidmatan, kemahiran dan pengajian tinggi yang ditawarkan oleh agensi pusat supaya dimanfaatkan sepenuhnya.

Tuan Speaker,

60. Dalam usaha kita untuk memulihkan kedudukan kewangan bagi agensi-agensi yang masih dibebani dengan perbelanjaan *overhead* yang besar, program *rehabilitation* adalah disyorkan. Mereka digalakkan untuk mencari idea atau cara untuk memperbaiki keadaan prestasi masing-masing. Syarikat seperti Penerbangan Sabah telahpun mengambil langkah untuk memfokus semula kegiatan perniagaan mereka. Kerajaan Negeri akan juga melihat opsyen menswastakan kegiatan agensi-agensi kerajaan sebagai salah satu peluang untuk mendapatkan rakan kongsi yang berupaya membuat suntikan modal baru.

Tuan Speaker,

61. Menyentuh tentang kualiti hidup adalah diharapkan kerancangan pembangunan dapat meningkatkan nilai kehidupan penduduk dari segi ekonomi semata-mata tetapi mampu meningkatkan kualiti hidup mereka dalam semua aspek. Walaubagaimanapun, selaras dengan konsep Islam Hadhari, kita tidak ingin melihat rakyat jelata maju dari segi ekonomi tetapi mundur dari aspek lain seperti akhlak, nilai-nilai murni kerohanian dan budi pekerti. Ini termasuklah memastikan persekitaran yang bersih dan mesra alam dan pemuliharaan kawasan terbuka (*open space*) untuk rekreasi dan kemudahan-kemudahan asas untuk beriadah, tempat pembelajaran yang sesuai, pembangunan rumah-rumah ibadah.

Tuan Speaker,

62. Kerajaan Negeri menyambut baik langkah untuk memperkenalkan Indeks Prestasi Utama (KPI) sejajar dengan cadangan Kerajaan Pusat untuk memperluaskan pelaksanaan KPI ini di semua kementerian dan agensi kerajaan dalam tempoh RMKe-9. Kerajaan Negeri mengikuti perkembangan pelaksanaan ini dan pelaksanaannya akan dibuat di peringkat negeri. Anggota perkhidmatan awam yang selama ini telah menunjukkan komitmen kerja yang baik dan adalah diharapkan agar mereka meneruskan budaya kerja yang cemerlang pada bila-bila masa. **Sebagai menghargai usaha dan sumbangan anggota perkhidmatan awam, saya mencadangkan bonus satu bulan gaji dengan jumlah minimum RM1,500.00 kepada anggota perkhidmatan awam negeri.**

Tuan Speaker,

63. Pada hemat saya dengan kesetiaan dan persefahaman barisan kepimpinan di setiap peringkat, anggota perkhidmatan awam yang komited dan profesional, sektor swasta yang dinamik bersama-sama rakyat jelata yang mempunyai sikap kerjasama serta inginkan kemajuan, saya yakin kita akan dapat membentuk sebuah negeri yang maju jaya dan masyarakat yang bersatupadu, progresif dan bertanggungjawab serta kaya dengan nilai-nilai keagamaan. Justeru, saya hendak mengulangi bahawa kecemerlangan prestasi anggota perkhidmatan awam adalah begitu kritikal sekali untuk mencapai Agenda Pembangunan Negeri. Peningkatan perbelanjaan bukanlah menjadi ukuran semata-mata tetapi berdisiplin dalam pengurusan dan penggunaan wang serta aset awam dan menjayakan sistem penyampaian yang berkesan adalah menjadi harapan besar kepada semua.

Tuan Speaker,

64. Saya mohon mencadangkan.